

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
PROGRAM DIGITAL IMAGING & ARTS
EXHIBITION**

**26 JULAI 2025 | SABTU | 10.00 PAGI
GALERI A
FAKULTI SENI LUKIS DAN SENIREKA
KOMPLEKS ALAM BINA
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih pengerusi majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Azhar Abd Jamil

Dekan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

YBrs. Profesor Madya Dr. Zainuddin Ibrahim

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Akademik)

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

YBrs. Dr. Mohd Hafnidzam Adzmi

Ketua Pengajian Seni Digital Dan Imej

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

Barisan pengurusan, staf akademik dan pentadbiran fakulti, wakil industri dan alumni,

Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan, mahasiswa dan mahasiswi, serta para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia

Madani dan Salam UiTM di Hatiku.

1. Alhamdulillah, atas limpah kurnia-Nya serta kesempatan dan ruang yang diberikan, dapat kita bersama-sama bagi menjayakan **Majlis Perasmian Digital and Imaging Arts Exhibition 2025** anjuran Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM.

2. Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga FSSR, terutamanya

kepada lima program kreatif yang bergabung tenaga dalam menjayakan pameran ini, iaitu:

- i. Eunoia (Bidang Grafik dan Media Digital),
- ii. AtelicXpose (Bidang Fotomedia Kreatif),
- iii. Inkfinity (Bidang Teknologi Percetakan),
- iv. Game On Level 6 (Program Seni Reka Permainan Kreatif), dan
- v. Rubika (Program Seni Reka Gerak Kreatif).

3. Saya percaya bahawa kejayaan menganjurkan pameran besar-besaran ini menjadi manifestasi bahawa fakulti ini bukan sahaja aktif dan produktif, malah berupaya memainkan peranan penting sebagai pemangkin kepada pembangunan seni dan teknologi kreatif negara.

4. Program seperti ini memainkan peranan penting dalam memperkasa pelajar melalui pendedahan kepada dunia sebenar, membina keyakinan diri, serta membuka ruang kolaborasi strategik antara universiti, komuniti industri dan rakan alumni.

5. Ini selari dengan aspirasi UiTM untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja berdaya saing dalam pasaran global, tetapi juga memiliki keterampilan yang holistik serta berpegang teguh kepada nilai-nilai etika dan profesionalisme, demi menyumbang secara berkesan dalam pelbagai cabang industri.
6. Saya amat menghargai inisiatif pihak fakulti yang berjaya menggabungkan elemen akademik, aplikasi praktikal, dan jaringan komuniti dalam satu platform yang bersifat inklusif, progresif, dan relevan dengan keperluan semasa.
7. Ini adalah contoh terbaik bagaimana sesebuah institusi dapat memainkan peranan sebagai pemacu utama dalam merencanakan perkembangan industri kreatif tanah air.
8. Akhir kata, saya mengajak semua hadirin untuk menghayati serta menyokong hasil karya para

pelajar, bukan sekadar sebagai simbol pencapaian, tetapi juga sebagai sumber inspirasi untuk masa hadapan.

Berlayar perahu di waktu pagi,
Langit cerah mentari berseri,
Ilham tercurah dari hati,
Mewarnai dunia dengan kreativiti.

9. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Digital and Imaging Arts Exhibition 2025**, anjuran Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Puncak Alam.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh.